

Pendidikan seks: Kita perlu buka minda

Sinar Harian 14/07/2010 M/S 417

JIKA sekali lagi saya mendengar atau membaca kes-kes membuang janin atau bayi, saya sendiri akan pergi mencari manusia yang bertanggungjawab itu [kalau mereka berada dalam tahanan reman, saya akan pergi ke balai polis], kemudian akan meminta izin untuk berceramah kepada mereka tentang agama, budaya, pendidikan seks dan sains perubatan yang berkenaan dengan cara merancang keluarga secara selamat dan efektif.

Saya tidak pasti, sama ada ceramah itu mampu untuk mengubah apa yang telah berlaku, tetapi sekurang-kurangnya saya tahu, saya tidak duduk diam berpeluk tubuh sahaja.

Mutakhir ini, apabila berita bayi atau janin dibuang terpapar di dada media, kita akan terkejut lalu melatah dengan amarah. Kita memekik-mekik kepada pihak berkuasa agar segera mengenakan tindakan undang-undang yang setimpal ke atas mereka yang terlibat atau bersubahat.

Kita gesa badan bukan kerajaan supaya membuka tempat-tempat perlindungan sementara, seperti orphanCARE, untuk menolong mereka yang tersepit. Tidak cukup dengan itu, kita mengkritik, mengutuk dan menghakimi ibu bapa yang gagal dalam mendidik anak-anak mereka untuk menjauhi seks di luar nikah.

Lalu kita rasa lega. Kononnya, selesailah tanggungjawab kita kepada masyarakat.

Namun itu semua, pembaca budiman, tindakan refleksi insan dalam mengubah

akibat, bukannya menangani punca benda-benda jahanam itu terjadi.

Seks tanpa lafaz akad dan nikah, lumrahnya sama seperti serangan selesema. Sekiranya kita mengambil langkah berjaga-jaga lebih awal, pasti serangan itu dapat kita elakkan. Apabila berbicara tentang subjek taboo seperti pendidikan seks, kita orang timur selalu rasa tidak selesa, malah ada yang menganggap seks itu kotor dan luhah.

Sekali lagi kita terkhilaf.

Seks tidak kotor, berdosa atau sesuatu yang taboo. Seks adalah naluri lahiriah dan keperluan fizikal yang dianugerahkan oleh Tuhan kepada setiap insan. Jadi saya tegaskan di sini, dengan lantang dan tanpa kondisi, bahawa perihal membuang bayi berlaku kerana kita tidak mendidik generasi di bawah kita dengan pendidikan seks yang sempurna.

Betul, sekiranya generasi muda kukuh asas agama dan nilai ketimuran, mereka tidak akan membuang bayi. Tetapi lupakah kita bahawa agama dan nilai tidak boleh diterjah begitu sahaja ke dalam minda muda mereka? Alpakah kita bahawa iman tidak dapat diwarisi atau dijual beli? Sekiranya mereka lalai lalu terlibat dalam kancah seks bebas, masihkah kita betah menyumbat apa yang halal dan haram ke telinga mereka? Menyuruh mereka pulang ke pangkal jalan? Walaupun perkara terkutuk itu



sudah berlaku?

Pada saya, jalan keluar yang hakiki dalam membanteras gejala buang bayi, hanya satu: Pendidikan seks.

Skala pendidikan seks yang baik di sekolah mahupun di rumah, mampu melantak remaja kita tentang keperluan batin manusia serta menerapkan sikap positif dan bertanggungjawab apabila berhadapan dengan seks.

Ia dengan syarat, program pendidikan tersebut mestilah mengandungi informasi yang tepat untuk menggalakkan generasi muda melindungi diri, menahan nafsu daripada melakukan seks sehingga mereka benar-benar bersedia. Juga untuk membekalkan mereka dengan pengetahuan terhadap risiko yang bakal mereka hadapi. Dalam kata-kata lain, kita teraskan ke dalam hati mereka, nilai untuk menghargai diri sendiri.

Pendidikan seks yang sempurna akan menjadi instrumental dalam mengekang fenomena membuang bayi, dan juga dapat mengurangkan kecenderungan untuk melakukan kegiatan seks agresif seperti rogol dan sumbang mahram. Sambil kita menyelam, kita minum air. Juga saya fikir, sesi kaunseling dapat membantu.

Bukan saya buat-buat pekak dan bisu kepada bahas-bahas yang mengatakan bahawa pendidikan seks hanya menggalakkan remaja untuk berkelakuan sumbang, dan ssekiranya laporan akhbar

yang mengatakan pendirian Tok Guru Nik Aziz bahawa mengajar pendidikan seks seumpama mengajar pencuri untuk mencuri dengan betul, boleh diterima pakai, saya tidak setuju sama sekali. Cara mendidik tidak sama pada masa dahulu dan sekarang. Kalau kita halang membabi-buta, buruk padahnya nanti.

Saya juga ingin berkongsi dengan pembaca budiman berkenaan dengan kajian selidik yang telah dijalankan oleh *World Health Organization*. Ahli pakar sains reproduktif berpendapat tiada bukti dapat menyokong penegasan yang mengatakan pendidikan seks hanya akan menggalakkan eksperimentasi. Malah, program pendidikan seks mampu memantau kecenderungan anak-anak muda untuk terlibat dalam aktiviti seksual secara rambang.

Watikan saya Rabu ini tidak bertujuan menghalalkan apa yang haram, tetapi saya akan mati beragan sekiranya tidak menyuarakan pendapat di atas landasan yang bernama pendidikan.

Soal menerapkan pengetahuan seks di peringkat awal ini tidak harus diibadikan atas pengukur nilai-nilai budaya timur atau barat. Apabila masa untuk kita mendidik sudah tiba, lapangkan minda, tegarkan hati. Nescaya hasil yang baik akan timbul sekiranya niat kita tulus.

• Elviza sentiasa menulis menyokong cabang pendidikan. Temui beliau di laman Twitter <http://twitter.com/elviza>.